

PM yakin status negara maju

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia belum terkeluar daripada landasan bagi mencapai tahap negara maju sepenuhnya menjelang 2020 meskipun berhadapan halangan berikutan krisis kewangan serantau baru-baru ini.

Malah kata Perdana Menteri, beliau yakin ekonomi negara akan berupaya mencatat pertumbuhan pada purata tujuh peratus setahun bagi tempoh 18 tahun akan datang atau sebelum mencecah tahun 2020.

Katanya, sebelum krisis ekonomi melanda pada 1997, Malaysia mrletakkan sasaran pertumbuhan tujuh peratus setahun bagi menjaniin ia berada dalam laluan betul ke arah men-

capai matlamat wawasan 2020 itu.

“Untuk beberapa tahun pertama wawasan itu, kita mencapai tahap pertumbuhan melebihi sasaran kita sendiri. Kita mahu pertumbuhan tujuh peratus. tetapi kita mencatat 8.5 peratus, kadang-kala sembilan peratus. Jadi kita berada di hadapan.

“Sekarang, sudah tentu pertumbuhan itu perlahan tetapi pertumbuhantinggi sebelum ini, mewujudkan purata yang tinggi di sebalik kelembapan ekonomi semasa.

“Kita berpendapat pada masa akan datang, ekonomi negara akan terus berkembang. Kita akan berupaya untuk tumbuh pada purata tujuh peratus bagi tempoh 18 tahun akan

datang. Oleh itu, kita berpendapat kita masih berada di landasan betul dan akan berjaya,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam temu ramah yang disiarkan oleh majalah bulanan perniagaan Asia iaitu *Asia-Inc* dalam keluaran terbaru Mei 2002.

Penganalisis ekonomi tempatan sebelum ini memalkankan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara boleh mencapai di antara 4.5 dan 5.0 peratus bagi 2002 dan 2003, berbanding 3.5 peratus unjuran Bank Negara Malaysia.

Dalam trnu ramah itu. Perdana Menteri juga bercakap mengenai keburukan globalisasi, masa depan ekonomi Asia dan ca-

baran ekonomi dihadapi China dan Jepun, isu keganasan antarabangsa termasuk tindakan ganas Israel selain pengalamannya memimpin negara dua dekad lalu.

Mengenai cara orang Asia menjalankan perniagaan, Dr Mahathir berkata bagi Malaysia ia berpandukan kepada kerjasama di antara kerajaan dan sektor swasta iaitu sejajar kepada konsep “Japan Incorporated” yang turut dipraktikkan di negara ini.

“Apabila sektor swasta maju, kerajaan turut memperoleh keuntungan itu (cukai korporat). Kita (kerajaan) bekerja sebagai pemegang saham. Ada yang kata jika anda (kerajaan) bekerja dengan sektor swasta, maka mereka men-

dapat dicapai

jadi kroni anda dan ini salah.

“Kepercayaan saya ialah kita harus dibiarkan untuk melakukan sesuatu dengan cara kita sendiri. Di Malaysia, kita mengadakan pembaharuan, menjadi lebih telus dan kita ingin menjamin wang rakyat diuruskan dengan baik,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, masalah dengan Jepun sekarang sehingga ekonominya menjadi lemah adalah disebabkan cubaannya untuk menjalankan perniagaan ala Barat meskipun budaya mereka berlainan.

Katanya, sebarang perubahan yang hendak dilakukan perlu dibuat secara perlahan dan bukan dengan cepat yang boleh memudaratkan ekonomi Je-

pun tetapi yakin ekonomi negara itu akan pulih jika tidak terlalu terikut cara barat.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata prosesnya sekarang lebih kepada aliran bebas modal dan tidak lebih daripada itu, dan konsep itu kerap dinyatakan oleh penyangak mata wang, George Soros.

Beliau berkata, globalisasi adalah juga berkaitan dengan pengagihan kekayaan sama rata, menangani kemiskinan menggunakan segala kuasa dan kekayaan dunia.

“Ia juga mengenai layanan adil, tidak mengenakan tekanan untuk memaksa orang lain melakukan sesuatu yang mereka tidak mahu lakukan atau yang tidak baik bagi mereka.

“Sudah tentu modal boleh masuk dan mengambil alih perniagaan, modal yang terlalu besar boleh menguasai dunia. Itu boleh menyebabkan orang yang mempunyai modal mendapat faedah, tetapi yang lain tidak.

“Tetapi negara yang tidak mempunyai modal tidak akan mendapat faedah walaupun kemasukan modal boleh membantu negara mereka...tetapi sebaliknya mereka terpaksa menyerahkan kemerdekaan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, berdasarkan hakikat itu, beliau mengkritik mengenai globalisasi dalam bentuk yang ada yang tidak memberi banyak kebaikan kepada negara lemah dan miskin.